

# UMS iktiraf sumbangan universiti-industri dalam kebolehpasaran graduan

UB 26.10.2024 P.06

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengiktiraf sumbangan fakulti dan pihak pengurusan universiti bersama industri dalam meningkatkan kebolehpasaran graduannya.

Naib Canselor UMS, Professor Datuk Dr. Kasim Mansor berkata dunia pekerjaan menuntut graduan untuk memiliki pengetahuan akademik yang kukuh serta kemahiran insaniah, kemahiran komunikasi dan daya saing yang tinggi.

Katanya, peranan universiti bukan sahaja mempersiapkan pelajar untuk memperoleh ijazah, tetapi juga bersedia menjadi tenaga kerja yang berkualiti, berinovasi dan berdaya tahan dalam meng-

hadapi cabaran di dunia pekerjaan.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Anugerah Kebolehpasaran Graduan (MAGE) 2024 UMS anjuran Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar UMS, baru-baru ini.

Kassim berkata UMS telah mencatatkan pencapaian membanggakan dengan kadar kebolehpasaran graduan mencapai 98.5 peratus pada tahun 2023, peningkatan 0.2 peratus berbanding pada tahun 2022.

“Pencapaian ini adalah hasil usaha berterusan semua pihak yang terlibat dalam memperkasakan graduan kita,”

katanya.

Penganjuran MAGE buat julung kalinya telah menyaksikan sembilan fakulti meraih Anugerah Komitmen Cemerlang 2023 iaitu Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan, Fakulti Sains dan Sumber Alam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Akademi Seni dan Teknologi Kreatif serta Fakulti Perhutanan Tropika.

Manakala penerima Anugerah Prestasi Gemilang 2023 dianugerahkan kepada Fakulti Pertanian Lestari, Fakulti

Komputeran dan Informatik, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Pengajian Islam, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Institut Penyelidikan Bioteknologi, Institut Penyelidikan Marin Borneo serta Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan.



**SYABAS:** Timbalan Dekan (Hal Ehwal dan Alumni) Fakulti Kejuruteraan, Profesor Madya Ir. Dr. Mohd Azizul Ladin (dua kanan) menerima trofi dan sijil bagi Anugerah Komitmen Cemerlang 2023 daripada Kasim.